



22 Mac 2022  
22 March 2022  
P.U. (A) 70

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG  
(LEMBAGA TATATERTIB) (PROSEDUR)  
(PINDAAN) 2022

*LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY BOARD)  
(PROCEDURE) (AMENDMENT) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG  
(LEMBAGA TATATERTIB) (PROSEDUR) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 93(6) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Lembaga Tatatertib membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Lembaga Tatatertib) (Prosedur) (Pindaan) 2022**.

**Pindaan kaedah 2**

2. Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Lembaga Tatatertib) (Prosedur) 1994 [*P.U. (A) 191/1994*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2—

(a) dengan menomborkan semula kaedah sedia ada sebagai subkaedah (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) yang dinomborkan semula subkaedah yang berikut:

“(2) Apa-apa mesyuarat yang diadakan menurut subkaedah (1) boleh diadakan melalui suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

(3) Bagi tujuan kaedah ini, rujukan kepada “tempat” adalah termasuk ruang siber, tempat maya atau ruang maya.”.